

09 FEB 2003

Lee-Aman/I

AMAN MALAYSIA BUKAN PROKSI KEPADA MANA-MANA PARTI POLITIK, KATA LEE

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Aman Malaysia bukannya proksi kepada mana-mana parti politik tetapi usaha spontan dan murni oleh rakyat Malaysia bagi membantah peperangan, kata penasihat Aman Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye hari ini.

"Bila rakyat Malaysia menurunkan tandatangan bagi keamanan, mereka berbuat demikian bukan kerana politik tetapi demi cintakan keamanan dan tidak mahukan perang yang akan mendatangkan pelbagai kesengsaraan," katanya dalam satu kenyataan.

Kempen Aman Malaysia bagi mendapatkan sejuta tandatangan diadakan berikutan kebimbangan mengenai kemungkinan tentera Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Tandatangan berkenaan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berlangsungnya sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini dari 20 hingga 25 Feb.

Lee berkata Aman Malaysia akan kekal sebagai sebuah pergerakan bebas untuk memperjuangkan keamanan serantau dan dunia.

Beberapa lagi acara akan diadakan hari ini di seluruh negara sebagai sokongan kepada kempen itu.

Satu forum mengenai kes perang ke atas wanita dan kank-kanak diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dan dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Di Hospital Kuala Lumpur, Lee menyaksikan kempen tandatangan yang diadakan di kalangan pesakit, kakitangan dan pelawat manakala Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) mengadakan program serupa di stesen LRT Masjid Jamek.

Di Johor, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman akan melancarkan "Kembara Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia" peringkat negeri di Kolej Matrikulasi Johor di Tangkak petang ini.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RHM